

Program suntik semangat OKU

H. Metro m/s 1 30.10.07

Sedia latihan bekerja tiga bulan, dibayar elaun RM600 sebulan

>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

MEREKA tidak pernah meminta dilahirkan cacat tetapi keadaan fizikal yang kurang sempurna menjadi penghalang untuk golongan orang kurang upaya (OKU) menempatkan diri dalam pasaran pekerjaan.

Pelbagai halangan dan pandangan negatif masyarakat terpaksa dihadapi dalam usaha mereka diiktiraf dan diberi peluang mencari pendapatan sendiri tanpa meng-

harapkan belas ehsan orang lain, seterusnya memajukan diri.

Semangat dan usaha mereka untuk hidup berdikari bukan saja patut dipuji, malah pihak majikan perlu menyediakan ruang sesuai bagi golongan itu membuktikan mereka juga boleh menyumbang kepada masyarakat sekali gus menebus harga diri.

Mempunyai pekerjaan bukan saja dapat menjaga kebajikan mereka melalui pendapatan yang diperoleh malah ia sumber kepada keyakinan diri. Mereka juga dapat mengisi masa lapang dengan

sesuatu yang bermakna.

Atas rasa prihatin dan tanggungjawab sesama manusia, Pengerusi Projek Latihan Kerja Vokasional dan Penempatan Bagi Belia OKU, Gary Lim mengatur satu program yang memberi peluang kepada golongan itu bekerja.

Melalui program itu, golongan OKU akan mengikuti latihan bekerja selama tiga bulan di sebuah syarikat dan dibayar elaun RM600 sebulan.

Jika golongan itu menunjukkan prestasi memuaskan kepada majikan, mereka

akan diambil bekerja secara tetap dan dibayar sama seperti pekerja lain termasuk faedah seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Socso.

Sebagai permulaan, program perintis itu membabitkan enam calon dari beberapa badan bukan kerajaan (NGO) sekitar Petaling Jaya, Selangor. Program itu turut mendapat sokongan daripada Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Datuk Dr Wong Sai Hou,

NGO yang terbabit dalam program itu adalah Persatuan Advokasi Diri Orang



Saya mahu buktikan saya boleh bekerja walau tidak sempurna seperti orang lain. Mendapat pekerjaan bagi insan seperti kami sangat penting”

>Aslam Sulaiman
OKU

Bermasalah Pembelajaran Selangor dan Kuala Lumpur (United Voice), Beautiful Gate untuk golongan cacat fizikal dan Pusat Latihan Kerja Kiwanis.

Lim yang juga bekas presiden Kelab Rotary Pudu, berkata beliau mewujudkan program itu selepas mendengar banyak rayuan daripada golongan itu ketika melawat rumah OKU.

“Lagipun saya tidak mahu mereka diambil kesempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab hingga ada yang jadi peminta sedekah seperti yang sering kita lihat. Me-

reka berhak mendapat pekerjaan seperti orang lain.

“Melalui program ini, mereka akan diberi tugas mudah di syarikat berkenaan seperti menjawab panggilan, perkhidmatan pelanggan dan juruteknik,” katanya.

Lim berkata, bagi OKU yang ingin menyertai program terbabit, mereka perlu mendaftar dengan NGO bersesuaian terlebih dulu sebelum berhubung dengan Kelab Rotary Pudu.

Salah seorang peserta program itu, Aslam Sulaiman, 24, berkata peluang bekerja yang diberikan itu untuk membantu golongan sepertinya



amat dihargai dan berharap lebih banyak syarikat akan membuka peluang kepada insan sepertinya.

Dia berkata, bukan mudah menjadi OKU kerana sering dpandang rendah bukan saja oleh masyarakat sekeliling tetapi keupayaan mereka sebagai pekerja yang baik turut dipertikai majikan hingga menutup peluang berdikari.

“Saya mahu buktikan saya boleh bekerja walau tidak sempurna seperti orang lain. Mendapat pekerjaan bagi insan seperti kami adalah sangat penting.

“Ini kerana selain mempunyai gaji bulanan, kami juga akan memperoleh kemahiran baru dan berpeluang berjumpa ramai kawan,” katanya.

Aslam yang mengalami masalah Sindrom William's, menyebabkannya lembab dan mempunyai masalah memahami sesuatu, pernah bekerja sebagai mekanik selama enam bulan di bengkel milik kawan ayahnya sebelum berhenti kerana sering diejek rakan sekerja lain.

Katanya, walaupun mempunyai masalah sukar memahami, tetapi dengan latihan sesuai yang diberikan dia yakin masalah itu akan dapat diatasi.

CERIA...Dr Wong (tengah) bersama OKU yang menyertai program berkenaan.